

**Oleh : DATO' SRI MOHD NAJIB TUN ABD RAZAK**  
**Tempat : HOTEL LEGEND, KUALA LUMPUR**  
**Tarikh : 03-03-2006**  
**Tajuk : MAJLIS PERASMIAN DAN MESYUARAT AGUNG DEWAN**  
**INDUSTRI BUKU MELAYU MALAYSIA**

Bismillahirrahmanirrahim,  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

YBhg Dato' Dr. Mohd. Anuar Ridhwan  
Pengerusi Penaja  
Dewan Industri Buku Melayu Malaysia

YBhg Dato' Haji Ghani Ngah  
Presiden  
Dewan Industri Buku Melayu Malaysia

Para hadirin yang dihormati sekalian,

Saya ingin mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana kita dapat bersama-sama penggerak industri buku dan pencinta ilmu untuk menjayakan satu usaha yang murni bagi meningkatkan bidang keilmuan negara di negara ini.

2. Sebagaimana yang kita sedia maklum, YAB. Perdana Menteri sering kali menekankan pembangunan modal insan sebagai satu aspek yang mesti diutamakan jika kita ingin berjaya dalam menghadapi saingan dan cabaran dunia yang semakin mencabar. Ia juga penting dalam kita menjayakan perancangan Rancangan Malaysia ke-9 serta pencapaian Wawasan 2020. Pewujudan warga negara yang berkualiti dalam pelbagai aspek terutamanya intelektual dan kerohanian merupakan kunci kepada kejayaan negara di masa hadapan.

3. Selain itu, strategi rangka Rancangan Jangka Panjang ketiga juga memberikan penekanan kepada pembangunan Malaysia berasaskan pengetahuan. Sejarah juga telah menunjukkan bahawa tamadun manusia yang berjaya pada masa lampau adalah mereka yang dapat menguasai ilmu pengetahuan yang telah membolehkan mereka mencapai kecemerlangan dalam pelbagai aspek kehidupan.

4. Maka adalah penting bagi kita untuk meningkatkan usaha dalam bidang pelajaran serta keilmuan bagi melahirkan lebih ramai golongan intelek yang dapat menggunakan keilmuan mereka untuk menyemarakkan lagi pembangunan negara. Ianya akan membolehkan kita meraih peluang di peringkat global.

5. Dalam hubungan ini, asas kepada pembentukan intelektual serta pementapan ilmu pengetahuan ialah bahan-bahan bacaan. Kini terdapat banyak dan pelbagai bahan bacaan sama ada yang wajib di peringkat sekolah, kolej dan universiti, mahupun bahan-bahan bacaan rujukan dan umum di dalam berbagai-bagai bahasa.

Malah kini sudah menjangkau kepada penerbitan elektronik yang boleh dicapai dengan mudah melalui internet.

6. Ini membuka peluang yang besar bagi industri buku dan ia merupakan satu sektor yang sangat berpotensi. Ini jelas dengan kehadiran kedai buku bertaraf antarabangsa seperti Kinokuniya dan Borders, yang sanggup membuat pelaburan besar-besaran, bersaing dengan rangkaian kedai buku tempatan yang telah mantap seperti MPH dan Dewan Bahasa dan Pustaka, serta ratusan kedai buku lain di negara ini.

7. Mengikut perangkaan nilai jualan buku di negara ini melebihi RM1 bilion setahun, sejak tahun 2002 yang lalu, jauh mengatasi rekod jualan di Indonesia (kira-kira RM120 juta), Filipina (RM297 juta), dan Thailand (RM234 juta). Sementara import buku ke negara ini, sejak 1997 melebihi RM300 juta setahun, di mana RM60 juta merupakan buku-buku yang import dari United Kingdom.

8. Perangkaan ini menyediakan peluang yang luas bagi ahli industri buku Melayu dan seharusnya mereka meneroka industri ini kerana ia menyediakan perolehan yang baik.

9. Namun begitu, masih banyak yang perlu dilakukan oleh ahli industri buku Melayu di negara ini untuk meningkatkan kemampuan mereka bersaing dalam industri ini. Kerajaan akan sentiasa memberikan sokongan terhadap usaha-usaha meningkatkan penerbitan dan pemasaran buku oleh ahli industri buku Melayu di negara ini. Ini selaras dengan saranan kerajaan yang menekankan semangat keusahawanan serta peranan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa ilmu pengetahuan.

10. Di sini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Dewan Industri Buku Melayu Malaysia kerana telah melorek kesedaran untuk meneroka sektor ini dengan lebih jauh dan serius, dengan penggabungan beberapa syarikat penerbitan. Kita harap lebih banyak syarikat penerbitan yang mantap akan menganggotai dewan ini. Selain itu, kita harap dewan ini digerakkan sebagai sebuah dewan industri yang bukan saja berorientasi komersial tetapi mendukung usaha kerajaan untuk membentuk masyarakat yang intelek dan berdaya saing.

Hadirin sekalian,

11. Potensi untuk industri buku di negara ini berkembang amat baik memandangkan kita mempunyai pasaran yang mantap dan pengguna yang mempunyai kuasa membeli yang tinggi. Kini Malaysia mempunyai hampir 20 buah Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) dengan lebih 18,000 tenaga pengajar, lebih 630 program melebihi 170 fakulti. Selain itu kemiskinan di negara ini hampir dapat dibanteras, tinggal kurang 5% sahaja berbanding 52.4% pada tahun 1970. Pendapatan purata isi rumah pula telah meningkat kepada lebih RM3,000, berbanding RM1,098 pada tahun 1983. Pada tahun 2010, jumlah penduduk Malaysia dianggarkan 28.9 juta orang, dengan 18.7 juta orang berumur lebih 15 tahun yang merupakan kumpulan aktif pembaca.

12. Bagi mendapat pasaran ini, penerbit hendaklah perlu mempelbagai penerbitan mereka sebagaimana yang diharapkan pembaca serta menyediakan kemudahan membeli melalui sistem teknologi ICT.

13. Selain itu, Dewan Industri Buku Melayu hendaklah juga merangka dan menggerakkan program untuk memasuki pasaran global selain menjayakan usaha untuk meningkatkan kuantiti dan kualiti penerbitan negara ini.

14. Buku-buku kita mestilah mampu menembusi pasaran eksport di rantau ini, atau diterjemahkan bagi pasaran eksport antarabangsa. Budaya dan sastera kita boleh dijadikan produk pasaran eksport. Di samping itu, Malaysia juga memiliki pelbagai keunikan – umpamanya hutan hujan tropika, terumbu karang, flora dan fauna, yang boleh diketengahkan untuk tatapan masyarakat antarabangsa.

Para hadirin sekalian,

15. Sesuai dengan peranan serta kedudukan Bahasa Melayu di negara ini, kewujudan penerbitan dalam Bahasa Melayu mesti lebih dirasai dan menonjol. Jumlahnya mestilah jauh lebih tinggi berbanding buku dalam bahasa-bahasa lain yang diterbitkan di negara ini dalam pelbagai bidang dan peringkat. Mutunya pula, daripada aspek reka bentuk dan kertas yang digunakan, juga mestilah setaraf dengan buku-buku antarabangsa.

16. Adalah menjadi harapan kita agar dalam tahun 2010, jumlah tahunan penerbitan buku di negara ini akan mencapai 0.1% daripada jumlah penduduk, sesuai dengan kayu ukur umum penerbitan buku di negara-negara maju. Ini bermakna jumlah buku yang diterbitkan pada 2010 hendaklah mencapai 28,900 judul. Daripada jumlah tersebut, sebahagian besar hendaklah buku-buku dalam bahasa Melayu.

17. Sesuai dengan harapan tersebut, serta hasrat kerajaan untuk lebih memartabatkan penerbitan dalam Bahasa Melayu, kerajaan melalui Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan akan mewujudkan 'kota buku' (book city) ditempat yang strategik di Kuala Lumpur, khusus bagi penerbit-penerbit Bumiputera.

18. Dewan Industri mungkin boleh menangani pengurusan serta aktiviti harian di 'kota buku' (book city) ini kelak seperti di negara-negara lain yang mempunyai 'kota buku' (book city), umpamanya di Iran. Premis tersebut bukan sahaja menjadi gedung jualan buku malah turut dijadikan tempat pameran dan pelancaran buku, perundingan jual-beli hak cipta, pelbagai aktiviti untuk khalayak pembaca, sesi bertemu pengarang dan sebagainya.

Para hadirin sekalian,

19. Adalah menjadi harapan kita agar Dewan Industri akan berjaya mencapai matlamat penubuhannya, meningkatkan penerbitan dalam Bahasa Kebangsaan serta meningkatkan pencapaian ekonomi ahlinya.

20. Dengan harapan tersebut, saya dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, dengan ini merasmikan Penubuhan serta Mesyuarat Agung Pertama Dewan Industri Buku Melayu Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh